

Saya rasa tersinggung – Mahathir

UM - 8/8/2005

KUALA LUMPUR 5 Ogos – Isu permit import (AP) yang kini hangat dibincangkan tidak harus menjadi isu peribadi memandangkan perkara itu dibangkitkan bagi menjaga kepentingan industri kereta nasional, Proton, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir berkata, tidak ada sebab bagi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu untuk merasa tersinggung terhadap isu itu yang mencetuskan perdebatan hangat pada Perhimpunan Agung UMNO bulan lepas.

“Ia bukan persoalan mengenai beliau (Rafidah). Ia bukan sesuatu antara saya dan dia (Rafidah), saya bercakap mengenai Proton, kepentingan Proton,” kata Dr. Mahathir kepada pemberita selepas

menyampaikan syarahan bertajuk: *Bergerak Ke Arah Masyarakat Progresif* anjuran Yayasan Rashid di Universiti Putra Malaysia di Serdang dekat sini, hari ini.

“Ia bukan urusan peribadi, ia bukan mengenai mentor... ia melibatkan Proton.

“Tapi mengapa jadikan ia perkara peribadi. Saya hanya boleh berkata saya rasa tersinggung kerana seseorang yang telah bekerja bersama saya berkata saya tidak ingat,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa ditanya mengenai reaksi penuh emosi Rafidah mengenai isu AP itu.

“Tapi ia (reaksi emosi) itu tidak relevan. Yang penting ialah adakah ia baik untuk negara dan baik untuk Proton, itu saja,” katanya.

Kontroversi AP itu muncul selepas Dr. Mahathir mendedahkan bahawa kereta-kereta import yang dibawa masuk ke negara ini oleh pemegang AP tertentu telah menjejaskan industri kereta nasional.

Berikutan itu buat pertama kalinya, Pejabat Perdana Menteri mengumumkan nama-nama penerima AP itu pada 18 Julai lalu dan diikuti kali kedua pada 27 Julai.

Isu AP masih berterusan apabila Kabinet mengarahkan Rafidah memberi penjelasan kedua berhubung perkara itu pada mesyuarat jemaah menteri kelmarin.

Ini ekoran Dr. Mahathir menyifatkan penjelasan Rafidah pada Perhimpunan Agung UMNO tidak lengkap dan berubah-ubah. – Bernama